


16 - 31 JULAI, 2024

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Projek Air Perak - Pulau Pinang sebagai keutamaan



**KETUA Menteri bersalaman dengan Perdana Menteri (berbaju kameja biru) ketika mengiringi kepulangan pemimpin berkaitan ke ibu negara selepas lawatan kerja ke Pulau Pinang dan juga penyempurnaan Majlis Peluncuran Pelan Induk KIGIP di sini baru-baru ini.**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**BAGAN SERAI -** Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menjadikan projek Air Perak-Pulau Pinang sebagai keutamaan demi kepentingan rakyat di utara negeri Perak dan penduduk di Seberang Perai (Pulau Pinang).

Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim berkata bahawa projek yang dianggarkan bernilai RM4 bilion itu adalah penting sebagai penyelesaian jangka panjang dalam memenuhi keperluan bagi *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) dan menyelesaikan masalah air di bahagian Seberang Perai Selatan (SPS).

"Selepas selesai projek ini maknanya untuk puluhan tahun akan datang, keperluan di Kerian, KIGIP dan sekurang-kurangnya di Seberang Perai (Pulau Pinang) dapat dipenuhi," katanya semasa berucap pada Majlis Peluncuran Pelan Induk KIGIP yang turut dihadiri Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dekat Dewan Dato Zainal Abidin di sini 15 Jun lalu.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri II merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Dato' Sri Fadillah Yusof; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI), Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Besar Perak, Datuk Saarani Mohamad dan ramai lagi.

Sebelum itu, Anwar menjelaskan bahawa pembangunan kawasan perindustrian berteknologi di atas tanah seluas kira-kira 1,000 ekar akan dilengkapi dengan premis dan infrastruktur bagi kegunaan industri serta komersial termasuk kawasan perumahan dan persekitaran hijau. Selain itu, KIGIP turut dilengkapi dengan ladang solar seluas 660 ekar yang mampu membekalkan sumber tenaga hijau serta bakal menjadi hab inovasi dan bakat tempatan yang berupaya menjana peluang pekerjaan berdasarkan lokasinya yang strategik.

Sementara itu, Fadillah ketika bercakap kepada pemberita memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan secara prinsipnya meluluskan peruntukan untuk pelaksanaan projek saluran air mentah Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah.

"Justeru, diharapkan agar KIGIP secara keseluruhannya bukan sahaja dapat memanfaatkan rakyat di negeri Perak (khususnya di daerah Kerian), malahan juga dapat menyediakan kemudahan bekalan air bersih ke bahagian Seberang Perai negeri Pulau Pinang secara amnya," ujarnya.

Mengulas lanjut, Fadhillah turut menyatakan bahawa kerajaan bakal meneliti keperluan empat infrastruktur asas utama termasuk tenaga, bekalan air, jalan raya dan telekomunikasi.

"Seperti yang telah diamanahkan oleh Perdana Menteri, saya akan meneliti setiap infrastruktur yang terdiri daripada empat asas utama seperti tenaga, air, jalan dan telekomunikasi agar dapat diselesaikan secepat mungkin.

"Menurut perkara yang telah dipersetujui, bekalan air akan diambil dari Sungai Perak, kemudian proses pembersihan akan dilaksanakan di Bukit Merah, sebelum disalurkan ke negeri Pulau Pinang.

"Dari segi tenaga pula, sebahagian daripada pembangunan merupakan pembekalan tenaga solar sebanyak 1,000 watt manakala bagi susur jalan keluar dari lebuh raya juga akan dibawakan kepada Kementerian Kerja Raya," jelasnya sambil menambah bahawa sebuah jawatankuasa khas mengenai perkara itu juga telah diwujudkan.

# Komited laksana projek mitigasi banjir

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**JAWI -** Kerajaan Negeri dan Kerajaan Perpaduan pada peringkat Pusat komited menyelesaikan isu banjir melalui pelan jangka pendek serta jangka panjang bagi keselesaan penduduk di sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Bakap.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah RM600,000 bagi tujuan tersebut dan pelaksanaan projek berkaitan bakal memberi manfaat kepada 150 keluarga di kawasan terlibat.

"Peruntukan Caruman Saliran Negeri akan disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan tiga projek mitigasi banjir jangka pendek di Kampung Changkat Dain, Kampung Besar dan Kampung Sepulau melibatkan kos RM600,000.

"Ketiga-tiga projek ini akan bermula pada akhir Jun 2024 dan dianggarkan mengambil masa tiga bulan disiapkan dan antara skop kerja terlibat adalah melaksanakan kerja mendalamkan laluan sungai yang sempit *(bottleneck)* sepanjang satu kilometer (km) dan pembinaan struktur tembok penahan *(gabion)* untuk penstabilan tebing sungai di sepanjang 120 meter (m)," katanya pada sidang media berkaitan di sini 2 Jun lalu.

Hadir sama, Menteri Pendidikan merangkap Ahli Parlimen Nibong Tebal, Fadhlina Sidek; Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid dan wakil-wakil dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang.

Zairil dalam pada itu turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang turut meluluskan RM246.5 juta bagi projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Jawi dan Sungai Kechil.

"Kedua-dua projek tebatan banjir ini dijangka dapat memberi faedah kepada 10,088 penduduk di KADUN Jawi dan (KADUN) Sungai Bakap serta mengurangkan kekerapan serta keluasan kawasan banjir sebanyak 1,790 hektar.

"Projek ini akan melindungi kawasan *hotspot* dan risiko banjir seperti di Taman Sungai Duri Permai, Taman Sungai Duri Indah, Kampung Sungai Duri, Taman Jawi Permai, Taman Jawi Jaya, Kampung Sethu, Perkampungan Jawi, Kampung Titi Hitam, Kampung Surau, Jalan Persekutuan di pekan Jawi dan Jalan Negeri di Changkat,'' jelasnya sambil menyatakan bahawa projek berkaitan telah dimulakan pada 8 Februari lalu dengan fasa reka rentuk dan dijangka siap pelaksanaan fizikal di tapak pada 7 Februari 2028.

Difahamkan, bagi projek RTB Sungai Kechil pula, ia telah ditender pada 26 April 2024 dan tarikh tutup adalah pada Jun 2024. Jangkaan pelaksanaan projek fizikal bakal bermula pada Ogos 2024.




## Selenggara cerun berisiko tinggi demi keselamatan umum

**TANJONG BUNGA –** Peruntukan berjumlah RM10,002,000 yang diluluskan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) pada Februari lalu akan digunakan untuk menyelenggara 12 cerun berisiko tinggi yang telah dikenal pasti di negeri ini.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari menyatakan bahawa lima daripada 12 cerun berisiko tinggi tersebut adalah terletak di Daerah Timur Laut manakala Daerah Barat Daya (7).

"Sebanyak RM3,868,000 daripada jumlah peruntukan akan digunakan untuk membaiki cerun di Daerah Timur Laut, sementara baki RM6,134,000 lagi akan disalurkan ke Daerah Barat Daya.

"Kerja-kerja utama yang akan dilaksanakan termasuk ujian tanah, penyediaan tapak dan pemulihan kawasan yang terjejas disebabkan kejadian tanah runtuh," katanya dalam sidang media di sini pada 8 Jun lalu.

Hadir sama, jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Timur Laut, Mohd. Khairul Nizam Mohd. Fuzi; jurutera JKR Daerah Barat Daya, Wan Eika Tansukasih Che Daud dan Jurutera Awam (Jalan Raya) Rohaizi Hashim.

Pada masa sama, Zairil turut mengingatkan orang ramai supaya sentiasa mematuhi arahan ditetapkan dan merancang perjalanan dengan sewajarnya apabila melalui kawasan terjejas.

"Tiada jalan akan ditutup sepanjang tempoh penyelenggaraan ini dan umum perlu mematuhi arahan yang diletakkan di lokasi penyelenggaraan dan digesa mengatur perjalanan masing-masing dengan sewajarnya," serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga.

Zairil dalam pada itu turut menyampaikan penghargaan kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi kerana meluluskan peruntukan yang diperlukan oleh negeri Pulau Pinang demi keselamatan penduduk di negeri ini.



**ZAIRIL Khir Johari (kiri sekali) bersama-sama pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR) meneliti pelan pembaikan cerun yang bakal dilaksanakan ketika sidang media dekat sini baru-baru ini.**

# Sambut baik cadangan pembinaan projek Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua


KEADAAN laluan dari Juru ke Sungai Dua kini.

**CADANGAN** bagi pembinaan projek Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua yang dianggarkan menelan kos RM1.8 bilion akan dibawa ke dalam mesyuarat Kabinet tidak lama lagi menurut Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Menurut laporan Buletin Mutiara pada 4 Jun 2024, Ahmad turut menyatakan bahawa pihak Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) juga telah membentangkan cadangan projek tersebut kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri.


GOOI Hsiao-Leung.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** berkesempatan menemu bual beberapa responden bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai projek tersebut.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, **GOOI HSIAO-LEUNG** ketika dihubungi berkata, cadangan pembinaan lebuh raya bertingkat sepanjang 15 kilometer (km) itu adalah sangat penting memandangkan keadaan trafik dari Juru ke Sungai Dua amat kritikal ketika ini.

"Memang tidak dinafikan bahawa pembangunan di negeri ini cukup hebat sejak 10 tahun kebelakangan ini, sekali gus menyebabkan lebuh raya sedia ada tidak lagi mampu menampung kuantiti kenderaan yang semakin bertambah.

"Kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) khususnya di Bukit Tengah kini menjadi hab perindustrian yang sangat penting yang memerlukan infrastruktur dan prasarana jalan raya yang bersesuaian seiring dengan kemajuan.

"(Dan) sekarang merupakan masa yang tepat untuk meneruskan perancangan dan sudah tentu penduduk di sini sangat menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat dalam menyelesaikan masalah kesesakan trafik di lebuh raya berkenaan.

"Serentak itu, saya percaya rata-rata pengguna jalan raya menantikan pembinaan projek lebuh raya bertingkat ini yang dilihat bakal memberi manfaat jangka panjang bukan sahaja kepada Pulau Pinang, malah juga terhadap penduduk di negeri bahagian utara tanah air," jelasnya.


SUHAIMEE Shahareen.

**SUHAIMEE SHAHAREEN**, 31, yang menetap di Juru, Bukit Tengah antara pengguna yang menyokong penuh cadangan tersebut dek mampu menjimatkan tempoh perjalanan ke pejabatnya di Kepala Batas.

"Setiap hari saya akan berulang-alik dari rumah (Juru) dan ke pejabat (Kepala Batas), jika pihak berkaitan mampu menghasilkan idea laluan alternatif bagi lebuh raya ini, saya percaya tempoh perjalanan juga akan menjadi lebih singkat.

"Di samping itu, saya juga sering ke bahagian pulau untuk menghadiri seminar, sudah tentu tahap kesesakan sangat teruk ketika ini terutamanya pada waktu puncak (pagi)," jelasnya yang merupakan seorang Perunding Kewangan Takaful.

Selain itu, bagi pempengaruh media sosial, **EIZUWAN EIZUDDIN**, 31, beliau sudah serik menghadapi kesesakan jalan raya setiap kali ingin pergi dan pulang dari pejabat.

"Saya amat menyokong cadangan pembinaan projek lebuh raya tersebut, saya sering terperangkap dalam kesesakan trafik selama hampir dua jam dari Sungai Petani ke Juru dan selanjutnya.

"Sudah lebih enam tahun saya melalui jalan yang sama setiap hari untuk ke tempat kerja, diharapkan pembinaan lebuh raya bertingkat dari Juru ke Sungai Dua ini mampu mengurangkan kadar kesesakan," katanya.


EIZUWAN Eizuddin.


MOHAMAD Awaluddeen Tajudin.

**MOHAMAD AWALUDDEEN TAJUDIN**, 24, juga turut berpendapat bahawa kesesakan yang berlaku kerana bukan semua pengguna laluan Juru ke Sungai Dua untuk memasuki bahagian pulau tetapi sebahagian besarnya juga menghala ke Seberang Perai Selatan (SPS).

"Jika lebuh raya bertingkat dibina, saya harap laluan tersebut akan membolehkan pengguna jalan raya dari Sungai Dua (menghala ke SPS) dapat terus tanpa perlu melalui Seberang Jaya dan Perai.

"Jika cadangan tersebut dilaksanakan, tempoh perjalanan sudah tentu akan lebih singkat dan mampu mengurangkan kadar kesesakan," ujarnya yang berulang alik dari Bertam ke George Town.


NURUL Najihah Zulkifli.

Turut memuji cadangan tersebut, **NURUL NAJIHAH ZULKIFLI**, 26, juga menyatakan waktu puncak petang di sekitar Juru amat sesak dan wajar diberikan perhatian serius.

"Waktu balik kerja di kawasan Juru sememangnya amat sesak, justeru pengguna yang bekerja di SPS akan lebih memilih untuk melalui lebuh raya bertingkat berbanding laluan yang sedia ada kini, secara tidak langsung trafik di kawasan Juru akan menjadi lebih lancar.

"Buat masa ini, saya lebih memilih untuk menggunakan perkhidmatan feri ke tempat kerja kerana lebih efisien dan menjimatkan tempoh perjalanan selain dapat mengelakkan kesesakan jalan raya," responsnya.

# Perbanyak lokasi taman kejiranan

Teks & Gambar : **NUR SYAKIRAH MOHD. BASRI**

**HASRAT** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk menyediakan lebih banyak taman kejiranan dan taman poket di pelbagai kawasan perumahan disambut baik oleh rata-rata responden yang ditemui.



TAMAN Areca.



FASILITI senaman yang disediakan di Taman Metropolitan, Relau.



KOLAM renang disediakan untuk ibu bapa yang membawa anak-anak beriadah di Taman Metropolitan, Relau.



MAZLIZA Mustaffa.

Bagi **MAZLIZA MUSTAFFA**, 43, beliau yang merupakan seorang suri rumah berpendapat bahawa inisiatif tersebut mencerminkan komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dalam memperindahkan kawasan perumahan agar lebih kondusif dan hijau.

"Saya rasa ia adalah satu inisiatif yang sangat baik kerana taman kejiranan boleh menjadi tempat yang sesuai untuk bersantai, beriadah serta berinteraksi dengan jiran-jiran.

"(Dan) dengan adanya lebih banyak taman kejiranan, saya percaya kualiti hidup penduduk akan meningkat kerana ruang hijau boleh mengurangkan tekanan dan memberi peluang untuk melakukan aktiviti fizikal.

"Saya harap taman-taman tersebut akan mempunyai laluan pejalan kaki, kawasan permainan kanak-kanak, tempat duduk, kawasan berlandskap dengan pokok-pokok dan bunga serta kemudahan asas seperti tandas dan tempat letak kereta," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini.



R. Vino.

**R. VINO**, 29, seorang jurutera kilang perubatan B. Braun meluahkan sokongan terhadap cadangan perbanyak taman kejiranan di sini.

"Saya jangka taman-taman ini akan memberi banyak faedah seperti meningkatkan kualiti udara, menyediakan tempat untuk bersenam, serta menjadi tempat rekreasi untuk kanak-kanak dan keluarga.

"Selain menyediakan kemudahan bersenam dan berekreasi yang sudah terdapat di kebanyakan taman, adalah baik untuk MBPP menambah lampu dengan pencahayaan yang baik untuk keselamatan pada waktu malam.

"Mungkin juga boleh sediakan kawasan untuk berkumpul seperti gazebo atau tempat untuk barbeku," ujar Vino.



LIM Wei Chuen.

Begitu juga bagi seorang jurutera, **LIM WEI CHUEN**, 47, yang menyambut baik hasrat MBPP itu sambil menekankan kepentingan penyediaan lebih banyak tong sampah di kawasan taman kejiranan.

"Saya menyokong inisiatif MBPP untuk menyediakan lebih banyak taman kejiranan kerana hal ini membuatkan kawasan perumahan lebih hijau dan menjadi tempat para penduduk bersosial antara satu sama lain.

"Pada masa sama, penting juga penyediaan tong sampah di kawasan taman kejiranan agar dapat mengelakkan pembuangan sampah di merata-rata tempat," katanya.



NURUL Sofia Mohd. Sukri.

Juruteknik, **NURUL SOFIA MOHD. SUKRI**, 23 menzahirkan kebimbangan mengenai keselamatan di sekitar kawasan taman kejiranan.

"Penting untuk memastikan taman-taman ini selamat untuk semua pengguna dengan adanya pencahayaan yang mencukupi dan pengawasan keselamatan.

"Selain itu, isu kebersihan dan penyelenggaraan yang berterusan juga perlu diberi perhatian agar taman-taman tersebut kekal dalam keadaan baik.

"Inisiatif ini juga menunjukkan keprihatinan MBPP terhadap kesejahteraan komuniti serta alam sekitar," ulasnya yang sempat merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MBPP.

Kerani, **ASIAH K**, 30, seorang penduduk dari Jelutong menekankan kekurangan kemudahan dan taman rekreasi di kawasan kejiranannya.

"Bagi saya, adalah idea yang baik MBPP mahu membangunkan lebih banyak taman kejiranan kerana di kawasan saya hanya terdapat Bukit Dumbar dan Taman Areca.

"Ini sangat penting kerana ia meningkatkan kesejahteraan badan dan emosi kita yang mana komuniti saya penuh dengan pekerja yang memerlukan tempat untuk berehat, oleh itu saya cadangkan menambah lebih banyak taman yang menawarkan tempat penting untuk bersenam," jelasnya.



LIM Yong Yi (kiri).

**LIM YONG YI**, 30 yang merupakan seorang penjaja mencadangkan agar lebih banyak kempen dan festival diadakan di kawasan taman kejiranan agar dapat menarik lebih ramai orang berkunjung ke kawasan tersebut.

"Tak begitu ramai yang menggunakan taman kejiranan di sesetengah tempat kerana kebanyakannya berada tersorok di dalam kawasan perumahan.

"(Oleh itu), mungkin PBT boleh mengadakan kempen atau festival setiap hujung minggu bagi menarik lebih ramai orang untuk melakukan aktiviti di kawasan berkenaan sekaligus memberi pendedahan mengenai taman kejiranan yang dibina," kata Yong Yi ketika ditemui sedang beriadah.

Sebelum ini, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran berkata bahawa inisiatif tersebut adalah selaras dengan Visi Penang2030. Sebanyak RM5.2 juta diperuntukkan bagi tujuan penyediaan dan menaik taraf taman kejiranan bagi tahun ini.

# DAF Bukit Panchor mampu selesai pembekalan air SPS

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**SUNGAI BAKAP –** Modul Rawatan Air Pengapungan Udara Terlarut atau *Dissolved Air Flotation (DAF) Module* di Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor yang bernilai RM18.6 juta mampu menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi oleh penduduk di daerah Seberang Perai Selatan (SPS) terutama di Mukim 5 Sungai Bakap.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Ir. K. Pathmanathan berkata bahawa Modul DAF di LRA Bukit Panchor akan membekalkan tambahan 10.5 juta liter air sehari (JLH) sekali gus menyelesaikan kira-kira 1,500 aduan gangguan bekalan air di Sungai Bakap.

"PBAPP telah melabur sebanyak RM20.52 juta (keseluruhan) bagi menambah baik perkhidmatan bekalan air di daerah SPS termasuk projek di LRA Mudah Alih Taman Sungai Duri Indah serta tangki sedutan baharu di Taman Widuri dan Taman Wellesley.

"Sejak LRA Bukit Panchor mula beroperasi pada Disember 2023, dilihat terdapat penurunan drastik aduan di Mukim 5 (Sungai Bakap), kira-kira 1,500 (aduan) namun kami (PBAPP) masih menerima aduan mengenai isu air terputus-putus terutama di kawasan tinggi dan kejiranan hujung paip agihan di sini (SPS)," katanya.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika menyempurnakan majlis perasmian Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Panchor dekat di sini 15 Jun lalu.

Beliau ditemui pemberita selepas Majlis Pembukaan Rasmi DAF LRA Bukit Panchor yang disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow di sini 15 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik.

Menurut Pathmanathan, sebuah lagi LRA kompak di Sungai Kerian sedang dibina dengan kos mencecah RM4 juta bertujuan untuk memastikan bekalan air mencukupi kepada pengguna.

"Selain itu, PBAPP juga berharap dapat memeterai perjanjian dengan Kerajaan Negeri Perak secepat mungkin bagi merealisasikan Projek Air Perak – Pulau Pinang yang dijangka mampu menampung permintaan di SPS kelak," jelasnya.

Sementara itu, Kon Yeow memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian dalam usaha meningkatkan pembekalan air ke seluruh negeri Pulau Pinang termasuk di SPS.

"Gangguan bekalan air yang berlaku di beberapa kawasan di sini adalah disebabkan oleh penggunaan air lebih tinggi dengan peningkatan populasi dan pertumbuhan industri di sekitar daerah SPS.

"PBAPP juga telah melabur sebanyak RM49.6 juta di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP2030) dan merancang untuk melabur sebanyak RM1.134 bilion lagi bagi membina empat LRA baharu di SPS.

"(Jumlah pelaburan itu juga) termasuk pemasangan dua saluran paip utama untuk meningkatkan kapasiti pengepaman air, bagi tempoh sehingga tahun 2028 nanti," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan.

## Sama-sama jaga 1.2 juta pokok ditanam sempena Hari Bumi



S. Sundarajoo.

**TELUK BAHANG –** Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo menyeru penduduk negeri ini untuk bersama-sama menjaga sejumlah 1.2 juta pokok yang ditanam serentak sempena Sambutan Hari Bumi pada 22 April lalu.

Beliau berkata, usaha semua pihak yang menanam pokok-pokok tersebut terutamanya Yayasan Amal TYT Pulau Pinang sebagai penyelaras, para penyumbang, badan bukan kerajaan (NGO) serta rakyat keseluruhannya perlu dihargai demi kelestarian alam sekitar.

"Justeru, penghargaan ini haruslah ditunjukkan melalui penjagaan pokok-pokok yang ditanam agar ia terus hidup dan memberi manfaat kepada kita semua.

"Umumnya, usaha ini telah menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama di negara ini yang telah diiktiraf oleh *Malaysia Book of Records* (MBOR) baru-baru ini di atas inisiatif yang diusahakan," ujarnya pada Majlis Apresiasi Program Penanaman Satu Juta Pokok Dalam Sehari Di Pulau Pinang Sempena Hari Bumi 2024 di sini 28 Mei lalu.

Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak yang menanam pokok yang ke-sejuta pada tarikh sama hadir sebagai tetamu kehormat bagi meraikan majlis tersebut.

## Projek perintis adaptasi iklim tingkat ketahanan bandar

**PANTAI JEREJAK -** Pulau Pinang melaksanakan projek perintis adaptasi iklim yang bertujuan membantu komuniti sesebuah lokaliti menyesuaikan diri sekali gus meningkatkan ketahanan terhadap perubahan sistem iklim.

Exco Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital, Zairil Khir Johari berkata bahawa bandar Bayan Baru telah dipilih untuk pelaksanaan projek di bawah Program Adaptasi Iklim Berasaskan Alam Semula Jadi Pulau Pinang atau singkatannya PNBCAP.

"Projek yang mengambil masa selama lima tahun ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui sumber pembiayaan RM9.2 juta dari *Adaptation Fund* (AF) iaitu sekretariat ditubuhkan oleh *United Nation Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC).

"Pelaksanaan projek ini juga mendapat kerjasama UN-Habitat (Program Penempatan Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) selaku entiti pelaksana multilateral, manakala Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula sebagai pelaksana menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan *Think City*," ujarnya pada sidang media selepas mesyuarat libat urus bersama-sama pihak berkepentingan di sini pada 4 Jun lalu.

Hadir sama, Pengurus Projek UN-Habitat, Kwan Sook Cheng dan Pengarah JPS Negeri Pulau Pinang, Mohd. Nazri Yasmin.

Mengulas mengenai komponen projek, Zairil memaklumkan antara komponen penting adalah inisiatif penghijauan bandar, pengurusan air ribut yang efisien, pemupukan daya ketahanan sosial dan komuniti serta pengukuhan kapasiti institusi melalui kolaborasi yang dilihatnya selaras dengan Visi Penang2030.

"Bayan Baru merupakan bandar pesat membangun, padat serta keadaan geomorfologi di kawasan tersebut juga adalah rendah dan memerlukan kaedah penyelesaian secara kejuruteraan berasaskan alam semula jadi yang holistik.

"Memandangkan Bayan Baru juga berdekatan dengan laut dan dipengaruhi oleh kejadian air pasang surut yang mana 16 kejadian banjir direkodkan sejak 2016, maka tiga projek utama akan dilaksanakan di kawasan tersebut.

"Pertamanya, pemulihan dan pengindahan koridor sungai di Sungai Keluang yang mana rizab sungai tersebut dikenal pasti berpotensi menjadi *'Urban Biophilia Sungai Keluang'*.

"Keduanya adalah pembinaan kolam tampungan berasaskan alam semula jadi pertama di Pulau Pinang berdekatan padang bola Lintang Nibong.

"(Dan) yang ketiga adalah melibatkan pemasangan peranti resapan dan sistem storan di bawah kolam tadahan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan air," jelasnya.

Dalam pada itu, Zairil memberitahu bahawa JPS telah mengadakan rundingan awam pada 11 Mei lalu yang mana lebih 60 responden memberi maklum balas positif.

"Saya berharap projek perintis yang dijangka selesai pada tahun 2027 ini akan menjadi model kepada negeri atau bandar-bandar lain dalam menghadapi perubahan iklim," katanya.

# Tapak Penjaja Lebuh Cecil

## bakal dinaik taraf

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**TAPAK** Penjaja Lebuh Cecil milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan dinaik taraf dengan pelbagai kemudahan tidak lama lagi.

Dalam cadangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kerja-kerja penarafan yang dirancang termasuk projek pemasangan peranti perangkap minyak, sistem perparitan sedia ada serta projek pengindahan lain yang bakal mengubah wajah pusat penjaja di tengah-tengah bandar raya George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO itu.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng memberitahu bahawa pihaknya



TAPAK Penjaja Lebuh Cecil milik MBPP menjadi antara simbol pengiktirafan peniaga dan penjaja kecil di tengah-tengah bandar raya George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO hingga kini.

diberitahu bahawa pentadbiran Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran telah memberikan taklimat berkaitan projek tersebut kepada pihak kementerian.

"Jika semuanya berjalan mengikut perancangan, kita menjangkakan kerja-kerja (menaik taraf infrastruktur pasar) ini akan dilaksanakan dalam tahun (2024) ini juga.

"Malah, semasa saya menjadi Ahli Majlis (MBPP) lapan tahun lepas, memang pernah mencadangkan projek menaik taraf pasar ini.

"Tujuan kita hanya satu, mahu menjadikan pasar (basah) dan kompleks makan minum di sini sebagai tempat yang selesa bukan sahaja untuk pengunjung, malah penjaja sendiri," jelasnya semasa dihubungi baru-baru ini.

Membayangkan kerja-kerja penarafan termasuk menaik taraf tandas awam dan bumbung di sini, menurutnya sekalian penjaja boleh merasai manfaat di sebalik bayaran lesen kepada PBT selama ini.

"Peniaga dan penjaja hanya membayar 70 sen untuk lesen harian mereka (yang menyamai) RM21 sebulan.

"Pun begitu, MBPP masih saling bekerjasama dengan Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Tanjong (Lim Hui Ying) dan Pusat Khidmat Rakyat ADUN Pengkalan Kota bagi tujuan menaik taraf kemudahan-kemudahan infrastruktur di pasar awam ini," jelasnya lagi.

Buletin Mutiara difahamkan, Pasar Awam Pebih Cecil di sini pernah dinaik taraf oleh MBPP pada bulan Oktober 2011.

Di bawah projek insentif khas yang dilancarkan semasa itu, Kerajaan Negeri mahu memartabatkan kelompok penjaja kecil termasuk 323 penjaja di Pasar Awam Lebuh Cecil.

Dalam kenyataan berasingan, Ahli Majlis MBPP, Tan Soo Siang turut mengesahkan bahawa pihak PBT berkenaan memang sedang menunggu kelulusan permohonan peruntukan bagi projek penarafan Tapak Penjaja Lebuh Cecil di ini.

"Matlamat kami adalah untuk mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif buat pelanggan yang seringkali mengunjungi pasar basah Lebuh Cecil dan kompleks makan yang begitu terkenal di sini.

Dalam perkembangan berkaitan, Soo Siang turut mengaku bahawa ketika ini jumlah tapak parkir di pasar awam tersebut begitu terhad dan perlu ditambah bilangan dalam projek penarafan berwajib nanti.

Seorang peniaga Mi Jawa yang mahu dikenali sebagai 'Steve' memberitahu jika jumlah tapak parkir kereta dan motosikal boleh ditambah bilangannya dalam projek penarafan berwajib nanti, akan meningkatkan kebolehcapaian pengunjung tradisi sekali gus melimpahkan pulangan faedah kepada semua peniaga dan penjaja kecil di sini.

THE ANTON
OLEH TAMARINS GROUP
LEGASI BERMULA DI SINI




5% Diskaun Untuk Bumiputera
HAK MILIK KEKAL



Harga Jualan: RM4,068,000.00 (Min.)
RM7,695,000.00 (Mak.)
Keluasan Binaan: 2,700 kps ke 5,360 kps



TAMARINS GROUP
Tingkat Bawah, Tamarins House
46 Pengkalan Weld,
10300 Pulau Pinang, Malaysia.
017 - 2351 699
04 - 2626 999
SALES@TAMARINS.MY

Pemaju: Galaksi Bebas Sdn. Bhd. (1290535-V / 201801028509)
Alamat Pemaju: Tingkat Bawah, Tamarins House, 46 Pengkalan Weld, 10300 Pulau Pinang, Malaysia.
No. Lesen Pemaju: 30439/05-2028/0116(N) Tempoh Sah: 3 Mei 2023 - 2 Mei 2028
No. Permit Iklan dan Jualan: 30439-1/10-2026/1179(N)-(S) Tempoh Sah: 27 Okt 2023 - 26 Okt 2026
Pelan Bangunan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Pulau Pinang
No. Rujukan: MBPP/ILCS-OSC/PB1665 Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal
Harga Jualan: RM4,068,000 (Min.) - RM7,695,000 (Mak.)
Tarikh Dijangka Siap: Dis 2026

# Pasar Awam Bayan Baru
## berwajah baharu

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD DAUD**

**PANTAI JEREJAK** – Proses pemindahan peniaga ke Pasar Awam Bayan Baru akan bermula selewat-lewatnya Jun ini, menurut Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chan Soon Aun.

Beliau berkata, ini berikutan projek menaik taraf pasar awam tersebut sudah hampir siap dan hanya menunggu pemasangan meter oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Pada asalnya kita jangka kerja-kerja ini akan disiapkan pada April tahun ini tetapi telah ditangguhkan kerana pemasangan meter elektrik.

"Kelewatan juga dikatakan berpunca daripada beberapa peniaga yang dikatakan mempunyai tunggakan bil elektrik dan perkara ini memerlukan lebih masa untuk diselesaikan.

"Pasar ini mempunyai 36 gerai dan pemasangan meter elektrik dilakukan secara berasingan mengikut unit gerai," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui baru-baru ini.

Difahamkan, baru-baru ini isu tunggakan oleh para peniaga terlibat telah berjaya diselesaikan.

"Jadi MBPP telah mengemukakan permohonan pemasangan meter pada 29 Mei dan TNB meluluskan permohonan itu pada 31 Mei lepas.

"Selain itu, kerja-kerja pelarasan meter juga perlu dilakukan oleh juruteknik TNB selepas pemasangan meter dan pemakluman status semasa turut dimaklumkan kepada ke peniaga terlibat," maklumnya lagi.

Menjawab dakwaan segelintir pihak berkaitan jubin lantai yang tidak disiapkan, Soon Aun berkata kerja-kerja menyiapkan jubin lantai akan dijalankan selepas para peniaga berpindah ke ruang dalam terlebih dahulu.

"Selepas mereka berpindah, barulah kerja-kerja pemasangan jubin pintu masuk lebih mudah dilaksanakan, kalau pasang dahulu kemudian peniaga bawa masuk dengan muatan berat dibimbangi akan merosakkan jubin yang baharu dipasang," jelasnya.

Bagi peniaga barangan basah, **JULIA MANSOR** menarik nafas lega apabila dimaklumkan bahawa peniaga boleh memasuki semula premis asal 26 Jun 2024.

"Saya diberitahu Rabu ini (26 Jun) harap-harap kali ini betul-betul boleh pindah semula ke dalam bangunan yang sudah dinaik taraf.

"Apa yang saya tengok meja lebih besar dan kemas dan yang penting lebih selesa untuk menjalankan perniagaan berbanding di luar ini," jelas Julia yang ditemui baru-baru ini.

Seorang lagi peniaga **ABDULLAH SAFAR** juga menzahirkan rasa syukur sekiranya peniaga barangan basah dapat masuk semula pada 26 Jun ini.

"Cuma kalau boleh, MBPP perlu pantau dan semak semula pemasangan papan agihan (DB) bekalan elektrik yang bagi saya agak rendah, mungkin boleh dipindahkan atau apa-apa tindakan lain boleh diambil," maklum beliau kepada Buletin Mutiara.

Peniaga udang, **STEVEN NG** pula berharap agar pihak Majlis dapat menambah bilangan parkir di kawasan luar pasar awam berkenaan.

"Tapak sementara sekarang sebenarnya parkir dan secara tidak langsung telah mengurangkan kira-kira 20 petak parkir di kawasan pasar, kalau boleh tambah beberapa lot lagi di luar lebih mudahkan pengunjung ke sini," maklumnya.

Menyuarakan masalah sama, **JOANNE TAN** berkata selepas peniaga barangan basah ditempatkan semula di dalam premis, peniaga barangan kering pula akan ditempatkan di tapak sementara.

"Jadi untuk naik taraf bahagian barangan kering seperti sayur, kedai runcit, masih sempat sekiranya MBPP menambah lot parkir di jalan berhampiran buat sementara waktu sehingga semua kerja-kerja naik taraf ini selesai," katanya lagi.



BAHAGIAN pintu masuk utama barangan basah Pasar Awam Bayan Baru.



JOANNE Tan (kiri) bersama Steven Ng ketika ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini.



JULIA Mansor.



KEADAAN gerai sementara peniaga untuk barangan basah yang dinaik taraf oleh MBPP.



MENGENAKAN baju Opera Cina ketika salah satu majlis yang diadakan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Pulau Pinang.







SHAPEE ketika memegang peranan sebagai Raja Lanun dalam persembahan "Teater Tradisional Makyung Anak Raja Dua Serupa' dekat Istana Budaya, Kuala Lumpur.



GAMBAR kenang-kenangan selepas melakukan persembahan kesenian suatu ketika dahulu.

# Ejen penggerak seni budaya perlu diramaikan

**S**ENI dan budaya adalah ekspresi kreatif manusia secara kolektif yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi lain.

Seni budaya memiliki peranan penting dalam proses pembentukan negara bangsa moden, dari segi mengungkapkan identiti, mengeratkan hubungan sosial serta mendidik masyarakat.

Usaha melestarikan seni dan budaya ini adalah begitu penting supaya dapat berkembang kukuh seiringan dengan perubahan landskap kehidupan masyarakat yang kian kompleks dan mencabar kebelakangan ini.

Bertitik tolak pada beberapa teras ini, dalam konteks Pulau Pinang sendiri, semua pihak wajar melihat peri penting Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Demikian kata **SHAPEE CHE EMBI** iaitu Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Pulau Pinang dalam wawancara di Galeri Seni Negeri Pulau Pinang (PSAG) dekat Bangunan Dewan Sri Pinang, George Town pada 31 Mei 2024.

"JKKN Pulau Pinang sememangnya komited dalam perkara ini.

"Pun begitu, ramai tidak mengenali JKKN Pulau Pinang iaitu dari segi peranannya.

"Peranan jabatan ini bukan sahaja terhad pada seni tari, sebenarnya tujuan penubuhan jabatan ini memberi suatu signifikan yang lebih besar kepada perkembangan budaya masyarakat.

"Kenapa saya berkata demikian… kalau sebuah negara yang merdeka dan berjaya pada aspek pencapaian ekonomi sahaja umpamanya, negara ini dilihat akan mundur sekiranya dari segi budayanya itu tidak ada.

"Gagalnya tamadun di sesebuah negara apabila tidak adanya budaya dan jati diri pada rakyat di negara ini.

"(Republik Rakyat) China ada identiti budayanya, (negara) India ada budayanya, maka sudah tentu (negara bangsa moden) Malaysia ada budayanya.

"Sehubungan ini, aspek pembinaan identiti bangsa melalui pendekatan pemupukan budaya inilah yang sedang kita (JKKN Pulau Pinang) usahakan tidak kira bangsa Melayu, Cina, India atau sebagainya yang mana sesiapa sahaja rakyat Malaysia, proses pemupukan seni serta budaya ini perlu dilakukan secara bersama-sama," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD**.

Bercerita lanjut, Shapee menyatakan bahawa pemupukan seni dan budaya itu bukan hanya yang berkaitan seni tari, tetapi juga merangkumi konteks lebih luas seperti cara hidup, cara percakapan, peradaban, cara makan, cara menghormati sesama entiti masyarakat, cara berbudaya, agama dan sebagainya.

"Bayangkan, sekiranya tiada pemupukan seni dan budaya dalam masyarakat kita, adik-adik atau anak-anak kita mungkin tiada adab atau adab dengan maksud lain disebut kurang ajar.



SHAPEE Che Embi.

"Dalam pendidikan seni dan budaya inilah, nilai-nilai murni yang telah ada dalam kebudayaan bangsa kita ini mahu terus dipupuk dalam kalangan generasi muda," ujarnya.

Sebelum ditaklifkan sebagai Pengarah JKKN Negeri Pulau Pinang, Shapee pernah berkhidmat sebagai Pengurus Pemasaran di Istana Budaya, Kuala Lumpur, dari tahun 2008 hingga 2015.

Selepas itu, Shapee dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Pemasaran di Ibu Pejabat JKKN, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Di Ibu Pejabat JKKN, Shapee berkhidmat selama sembilan tahun.

"Saya mula berkhidmat di negeri Pulau Pinang pada 1 Julai 2020 iaitu semasa pandemik COVID-19 (dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, PKP).

"Kalau dikira perkhidmatan saya bermula di Istana Budaya, sehingga kini kira-kira 16 tahun.

"Saya berkhidmat di Pulau Pinang selama tiga tahun 10 bulan.

"Sepatutnya pertukaran saya atau saya pergi melapor diri kembali ke Kuala Lumpur pada 27 Mei 2024, tetapi saya meminta ditangguhkan seminggu lagi, maka saya akan melapor diri pada 4 Jun 2024.

"Oleh sebab demikian, pada 27 Mei 2024, memang telah ada seorang Pengarah baharu melapor diri di JKKN Pulau Pinang, sebagai mengisi kekosongan perjawatan saya pada tarikh itu (27 Mei 2024)," jelasnya.

Di Kuala Lumpur nanti, Shapee memberitahu bahawa beliau akan ditaklifkan sebagai Timbalan Pengarah Bimbingan Seni Budaya (BSB).

"Di setiap negeri, program-program berorientasikan pelajar yang mana kita akan melatih para pelajar dalam bidang seni tari, teater, seni berbahasa dan sebagainya, supaya mereka dapat meneruskan aktiviti seni dan tidak terhenti.

"Kita mahu seni-seni ini tidak 'mati'.

"Beberapa sekolah, kita pilih supaya seni boria ini tidak mati di negeri Pulau Pinang," katanya sambil memberitahu bahawa program latihan seni dilaksanakan pada sekolah-sekolah tertentu.

Selama hampir empat tahun menjadi Pengarah JKKN Pulau Pinang, Shapee menyatakan bahawa agak mencabar adalah semasa menganjurkan program dalam tempoh pandemik COVID-19.

"Semasa pandemik (COVID-19), program-program tetap berjalan, tetapi tidak dibenarkan secara fizikal.

"Jadi, kami (JKKN Pulau Pinang) melakukan program-program (secara dalam talian) dari rumah masing-masing, seperti program-program berorientasikan wawancara.

"Pelbagai program kita jalankan seperti berpuisi, berpantun, pertandingan bertari secara solo (yang mana) tiada pertemuan secara fizikal.

"Banyak program dijalankan sama ada di bawah jabatan (JKKN Pulau Pinang sendiri) dan sebagainya.

"Program-program tetap berjalan secara baik, tidak dilakukan secara fizikal (yang mana) semua buat program di rumah masing-masing dan kemudian kita akan gabungkan.

"Program paling besar, kalau melibatkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada waktu itu adalah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Persekutuan yang mana kami (JKKN Pulau Pinang) perlu buat drama tari… berlangsung pada tahun 2023.

"Tidak dilupakan program-program besar lain di bawah Jelajah Madani, yang dianjurkan peringkat Persekutuan tetapi dilaksanakan di Pulau Pinang," ceritanya lagi.

Mengakhiri wawancara, Shapee yakin bahawa seni memainkan peranan dalam membina jati diri masyarakat setempat.

"Kita tak boleh mendekatkan manusia dari seni budaya yang mereka sukar nak terima kerana seni budaya hidup bersama-sama manusia.

"Kita perlu meramaikan mereka yang melibatkan diri dengan seni budaya supaya generasi akan datang mempunyai jati diri yang kuat," ulasnya yang mahu menggerakkan aktiviti pemupukan seni serta budaya menerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta membuka pusat akademi sendiri apabila bersara wajib kelak.





Pertandingan Video Pendek – 3/2024

TEMA : MERDEKA DARIPADA HUTANG, SIMPAN UNTUK MASA DEPAN

MENANG dengan 3 langkah mudah

1. Ambil video mengikut tema yang diberikan.
2. 'Like' dan 'Follow' laman Facebook, TikTok dan Instagram rasmi Buletin Mutiara.
3. Setiap karya mestilah mempunyai tanda pagar #BuletinMutiara #penang2030 #lovepenang #SimpanSSPN #PTPTNpulaupinang

Hadiah:

Pertama
RM1,000
+
Simpan SSPN PRIME
RM250

Terma & Syarat Peraduan:

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.
2. Video pendek harus berdurasi sekurang-kurangnya satu minit mengikut tema yang diberikan.
3. Karya adalah asli tanpa menciplak mana-mana hasil kerja.
4. Karya dihantar menjadi hak millk pihak penganjur.
5. Tarikh tutup penyertaan adalah 30 September 2024.
6. Penyertaan digalakkan meletakkan tetapan di akaun media sosial sebagal '*public*' atau menghantar karya melalui '*direct message*' ke akaun rasmi *Facebook* atau *Instagram* Buletin Mutiara.
7. Keputusan panel juri adalah muktamad.
8. Kos penghantaran untuk hadiah pemenang perlu ditanggung oleh pemenang.
9. Penyertaan ini layak disertai oleh semua warganegara Malaysia kecuali kakitangan Buletin Mutiara dan PTPTN serta ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

